

17 IPTA sertai tilawah al-Quran

Kuala Lumpur: Seramai 28 peserta mewakili 17 institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan di Auditorium Muzium Kesenian Islam Malaysia, di sini, semalam.

Antara institusi yang mengambil bahagian ialah Universiti Malaya (UM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Koordinator Program Muzapara Baba berkata, pertandingan kali keempat anjuran Yayasan Pelajar Islam Malaysia (YPIM) itu turut mendapat kerjasama CIMB Islamic Bank Berhad sebagai rakan ilmu.